

# **SOALAN - SOALAN LAZIM (FAQ)**

**Dari aspek perundangan, apakah punca kuasa pengurusan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah?**

**Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 81**

**Apakah batas kandungan penyampaian oleh seseorang pemegang tauliah?**

1. Tidak akan mengajar atau menyebarkan agama Islam yang bertentangan dengan pegangan atau ajaran Ahli Sunnah Wa Jamaah;
2. Tidak akan mengajar atau menyebarkan agama Islam yang bertentangan dengan fatwa Negeri Kedah Darul Aman;
3. Tidak membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang boleh ditafsirkan dengan semunasabunya sebagai menghina agama Islam atau mencemarkan Majlis;
4. Tidak berkelakuan dengan kelakuan yang tidak sesuai atau sopan dengan ajaran Islam;
5. Tidak melanggar mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam Tauliah Mengajar dan Kebenaran Khas atau apa-apa arahan Majlis atau mana-mana undang-undang bertulis;
6. Tidak membawa kegusaran, perpecahan atau menggugat keamanan yang berkaitan dengan dasar Kerajaan;
7. Tidak menyentuh isu parti politik;
8. Tidak memberikan pendapat yang mengandungi kekhilafan dan menimbulkan keraguan kepada masyarakat;
9. Tidak mempertikai dan menghina perkara khilafiyah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar; atau
10. Tidak memudarangkan kepentingan agama dan Negeri.
11. Mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia.

**Agensi atau bahagian manakah yang bertanggungjawab dalam pengurusan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah?**

**Jabatan Mufti Negeri Kedah (Unit Tauliah) bertanggungjawab dalam pengurusan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah**

## **Bagaimanakah kaedah permohonan Tauliah Mengajar Negeri Kedah?**

Cara permohonan Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Kedah adalah seperti berikut:

1. Mengisi borang secara atas talian di pautan  
<https://mufti.kedah.gov.my>
2. Setelah borang permohonan secara online dihantar, tunggu respon dari Admin Jabatan Mufti Negeri Negeri Kedah bagi mendapatkan Bil Pelbagai yang mengambil masa selama lima (5) hari bekerja.
3. Bil yang siap dijana akan dimajukan kepada pemohon melalui whatsapp atau email.
4. Pemohon boleh menjelaskan bayaran dengan Scan Kod QR yang terdapat di hujung belah kanan bil pelbagai menggunakan scanner QR biasa untuk ke sistem Ibayar (Bukan Scanner Qr Bank)
5. Ikut arahan cara pembayaran di Sistem Ibayaq sehingga selesai resit atau bukti pembayaran dijana.
6. Bil pelbagai yang telah dijana hendaklah dibuat bayaran selewat-lewatnya 2 hari setelah dikeluarkan.
7. Resit pembayaran atau bukti bayaran hendaklah dimajukan semula kepada Admin Jabatan Mufti Negeri Kedah setelah selesai bayaran dibuat.

**Sekiranya saya berjaya mendapatkan tauliah, berapa lamakah tempoh sah tauliah tersebut?**

**Tempoh sah tauliah adalah 5 tahun bagi warganegara Malaysia dan hanya 1 tahun bagi bukan warganegara dan perlu diperbaharui sekiranya tamat tempoh sah tersebut**

**Apakah keperluan tambahan yang membolehkan seseorang untuk membuat permohonan tauliah?**

1. Pemohon mestilah berumur 17 tahun dan ke atas semasa membuat permohonan tauliah
2. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik
3. Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Arab

**Apakah kategori permohonan yang boleh dipilih?**

1. Fardhu Ain Arab
  2. Fardhu Ain Jawi
  3. Al-Quran Tajwid
  4. Fardhu Ain Arab & Al-Quran Tajwid
  5. Fardhu Ain Jawi & Al-Quran Tajwid

**Bilakah ujian bertulis dan ujian syafawi akan dibuat?**

**Ujian bertulis : Bulan Jun 2024**      **Ujian Syafawi : Bulan Ogos 2024** } Sila rujuk hebahan terkini di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah

**Berapakah kadar bayaran yang dikenakan bagi permohonan tauliah baru dan diperbaharui?**

KADAR BAYARAN		
KATEGORI TAULIAH	Warganegara	Bukan warganegara
<b>Tauliah Baru :</b>		
1) Fardhu Ain Arab	60.00	100.00
2) Fardhu Ain Melayu	60.00	100.00
3) Tajwid	30.00	50.00
Perbaharui Tauliah		
	10.00	10.00
	(Tempoh 5 tahun)	(Tempoh setahun)
Tauliah Khas		
	50.00	100.00

**Apakah kitab – kitab yang atau bahan rujukan bagi calon peperiksaan tauliah?**

1. Soalan tauliah terdahulu (boleh didapati di pautan link  
<https://mufti.kedah.gov.my/muat-turun/soalan-tauliah>
2. (Feeqh) - Kitab Fathul Mu'in (B.Arab) & Matla'ul Badrain (B.Melayu)
3. (Tauhid) – Kitab Kifayatul 'Awwam (B.Arab) & 'Aqidah An-Najin (B.Melayu)
4. (Tasawwuf) – Kitab Minhajul 'Abidin (B.Arab & B.Melayu)  
*Boleh dibeli di kaunter Jabatan Mufti Negeri Kedah*
5. (Tajwid) – Kitab Hidayatul Qari' (Umum)

**Berapa lamakah masa yang diberikan bagi ujian bertulis dan syafawi?**

Al-Quran Tajwid – 2 jam (*Subjek Al-Quran Tajwid*)

Tauhid – 2 jam  
Feeqh – 2 jam  
Tasawuf – 2 jam } (*Subjek Fardhu Ain Arab / Fardhu Ain Melayu*)

**Bagaimanakah cara untuk mengetahui sama ada lulus atau tidak dalam ujian tersebut?**

Calon ujian bertulis yang lulus akan dipanggil untuk menduduki ujian syafawi melalui surat yang akan di pos, whatsapp dan hebahan di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah.

Seterusnya bagi calon yang lulus dalam ujian syafawi pula akan dijemput untuk menghadiri Majlis Penganugerahan Tauliah melalui surat yang akan di pos, whatsapp dan juga senarai nama calon yang lulus juga akan dipamerkan di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Kedah.

**Bilakah sijil tauliah akan diberikan kepada calon yang lulus dan berapakah fi yang dikenakan atas sijil tersebut?**

Sijil Tauliah akan diberikan kepada calon yang lulus di Majlis Penyampaian Tauliah dan dikenakan caj sebanyak RM 10.00. Pemohon yang berjaya, perlu menjelaskan bayaran sijil sebelum hadir ke Majlis Penyampaian Tauliah.

## **Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya Tauliah Mengajar hampir tamat tempoh?**

Sekiranya Tauliah Mengajar telah tamat tempoh, pemegang tauliah perlu membuat permohonan untuk perbaharui tauliah secara atas talian di laman web [mufti.kedah.gov.my](http://mufti.kedah.gov.my) atau mendapatkan borang secara walk in di Jabatan Mufti Negeri Kedah tidak lewat daripada tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh sah Tauliah Mengajar

## **Bagaimanakah cara bayaran perbaharui sijil tauliah yang telah tamat tempoh boleh dibuat?**

Bayaran boleh dibuat di kaunter Jabatan Mufti Negeri Kedah dengan menggunakan kad debit.

## **Apakah yang boleh menyebabkan penarikan tauliah?**

Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran boleh menarik balik sesuatu tauliah yang telah dikeluarkan kepada seseorang Pemegang Tauliah, mengikut mana berkenaan, jika Jawatankuasa mendapati bahawa:

1. Pemegang Tauliah telah melanggar atau tidak mematuhi atau tidak menjalankan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam Tauliah;
2. Pemegang Tauliah memberi ceramah umum atau mengajar pengajaran Agama Islam secara yang bertentangan dengan syariah atau aqidah Islamiah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah;
3. Pemegang Tauliah memberi tafsiran tidak tepat, keliru atau menyeleweng dari ajaran sebenar agama dalam ceramah umum atau pengajaran Agama Islamnya;
4. Pemegang Tauliah tidak mematuhi apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan secara sah oleh JMNK atau Jawatankuasa; atau
5. Pemegang Tauliah berkelakuan dengan cara yang mencemarkan Agama Islam.

**Sebagai pemegang tauliah, apakah kewajipan terhadap agama dan masyarakat?**

**Pemegang tauliah hendaklah menjalankan kewajipan pemegang tauliah sebagaimana berikut:**

1. Memberi ceramah umum mengenai apa-apa aspek Agama Islam atau mengajar Agama Islam berdasarkan Al-Quran, Al-sunnah, Ijma' dan Qias;
2. Berakhlik mulia dan amanah dalam menyampaikan ilmu;
3. Mengekalkan, memperbaiki dan mengukuhkan persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam dan menggalakkan orang Islam meninggikan taraf hidup dan ekonomi serta menambahkan amalan dan takwa mereka kepada Allah;
4. Tidak memfitnah saudara Islam yang lain; dan
5. Mematuhi undang-undang atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan oleh JMNK, JHEAIK dan Jawatankuasa Pengawasan dari semasa ke semasa.

**Kesalahan mengajar Agama Islam atau perkara-perkara tentang Agama Islam tanpa Tauliah?**

**Di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2008 menyatakan bahawa :**

*“Mana-mana orang yang mengajar Agama Islam atau perkara-perara tentang Agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 81 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”*

Sekiranya terdapat sebarang persoalan dan maklumat lanjut sila hubungi Unit Tauliah, Jabatan Mufti Negeri Kedah melalui :-

e-mel : [tauliah@kedah.gov.my](mailto:tauliah@kedah.gov.my) atau

talian telefon : 03-702 6333/ 6326 (Urusetia Tauliah)